



TAHNIAH Kumpulan Inovatif dan Kreatif AKAR, Perpustakaan Tun Dr. Ismail kerana menerima anugerah Emas semasa Pertandingan Konvensyen KIK Peringkat UiTM, 2016. - m/s 3...

Antara Menarik di Dalam



PRODUK INOVASI 2010 -2016
Perpustakaan Tun Dr Ismail
m/s 5



BERITA KAMPUS PASIR GUDANG
Perpustakaan Tun Dr Ismail
m/s 9



LAWATAN KETUA PUSTAKAWAN
Ke Perpustakaan Tun Dr Ismail
m/s 14

Majlis Budi Dijunjung Bakti Disanjung

Oleh : Siti Rozana binti Mat Sanat

Satu majlis khas telah diadakan pada 30 November 2015 bagi mengenang jasa serta bakti yang telah ditabur oleh En. Rosnan bin Ali, Pembantu Perpustakaan Kanan. En. Rosnan yang berkhidmat selama 30 tahun 2 bulan dan telah bersara pada 21 Januari 2016. Majlis tersebut diadakan lebih awal kerana En. Rosnan telah membuat permohonan cuti lebih awal. Pihak perpustakaan amat merasai kehilangan diatas persaraan beliau. Telah banyak jasa dan kenangan yang ditinggalkan sepanjang perkhidmatan beliau di Perpustakaan Tun Dr. Ismail. Pihak perpustakaan merakamkan setinggi penghargaan dan terima kasih di atas segalanya. Semoga ikatan yang terjalin dirahmati Allah dan sesungguhnya kita bertemu kerana Allah dan kita berpisah juga kerana Allah.

Turut diadakan adalah bacaan tahlil dan sambutan hari lahir staf yang menyambut kelahiran pada bulan Mei hingga Disember. Didoakan program-program seperti ini akan berterusan pada masa akan datang sebagai tanda menghargai dan memberi motivasi kepada semua staf. Warga PTDI juga mendoakan agar En. Rosnan diberi kesihatan yang baik dan sentiasa dilindungi Allah.

Biodata :

Nama	: En. Rosnan bin Ali
Tarikh Lahir	: 21 Januari 1966
Jawatan	: Pembantu Perpustakaan Kanan
Tarikh berkhidmat	: 28 Ogos 1986 – 24 Januari 2016
Tempoh Perkhidmatan	: 30 Tahun 2 Bulan
Umur	: 50 Tahun
Tarikh Perkahwinan	: 11 Disember 1990
Nama Isteri	: Norfizah binti Ibrahim
Anak	: 4 orang (3 lelaki & 1 perempuan)
Hobi	: Memancing, Berkebun dan Bersukan
Pendidikan	: Sek. Men. Dato' Bentara Dalam, Segamat : Sek. Kebangsaan Kampung Jawa
Perancangan Selepas Pencen	: Menternak & Berkebun

